

## UNSUR-UNSUR MISTIK DAN PEMUJAAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI PULAU BESAR NEGERI MELAKA

SYAIMAK ISMAIL

Universiti Teknologi Mara

[syaimak@uitm.edu.my](mailto:syaimak@uitm.edu.my)

MUHAMMAD SAIFUL ISLAM ISMAIL

Universiti Teknologi Mara

[saifulislam@uitm.edu.my](mailto:saifulislam@uitm.edu.my)

### ABSTRAK

Pulau Besar merupakan pulau yang berpenghuni yang terletak di negeri Melaka. Pulau ini mula wujud sejak daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan banyak peristiwa sejarah yang berlaku di pulau ini. Kehadiran ulama tersohor ke Pulau Besar sekitar abad ke-15 untuk menyebarkan agama Islam dianggap sebagai wali Allah dilihat wajar dihormati dan dipuja kerana kedudukannya yang tinggi di sisi tuhan. Peninggalan makam ulama beserta pengikut beliau dikatakan mewarnai Pulau Besar dengan hal-hal positif kerana memberikan seribu kebaikan kepada penduduk dan pengunjung yang datang ke pulau ini. Oleh demikian, Pulau Besar dianggap sebagai sebuah pulau yang suci dan keramat kerana mampu menyembuhkan penyakit, menyucikan hati dan menunaikan hajat setiap pengunjung yang datang ke pulau ini. Kebiasaan masyarakat Melayu khususnya di Melaka akan mengunjungi beberapa tempat yang dianggap suci yang terdapat di pulau ini seperti kubur, gua, pokok dan batu besar untuk berdoa, memohon hajat, menunaikan nazar dan majalani sesi rawatan secara ghaib di Pulau Besar. Kesan daripada pengaruh fahaman animisme dan Hindu-Buddha yang diterima secara warisan daripada leluhur terdahulu masih lagi menjadi amalan sejak berzaman. Walaubagaimanapun, masyarakat Melayu mula menyesuaikan amalan tersebut mengikut kesesuaian agama Islam sebaik sahaja agama ini diperkenalkan di alam Melayu. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti unsur-unsur mistik dan pemujaan dalam kalangan masyarakat Melayu di Pulau Besar. Kajian ini menggunakan metod dokumentasi dan observasi bagi melihat secara menyeluruh bentuk amalan dan pemujaan yang masih dilakukan oleh masyarakat Melayu yang mengunjungi Pulau Besar ini. Berdasarkan kajian, terdapat beberapa amalan pra Islam yang masih diamalkan dan dijadikan upacara ritual penting di Pulau Besar yang dianggap bertentangan dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM).

**Kata Kunci:** Melaka; Melayu; Mistik, pemujaan; Pulau Besar

## MYSTICAL ELEMENTS AND WORSHIP AMONG MALAY COMMUNITY IN PULAU BESAR, MELAKA

### ABSTRACT

Pulau Besar is an inhabited island located in Melaka. The island was founded since the era of the Malacca Sultanate and many historical events occurred. The presence of famous scholars around the 15th century to spread Islam. They are portrayed as a *wali Allah*, worthy of respect and adoration due to his high position from the sight of God. Ulama's tomb relics and his followers are said to adore Pulau Besar with positive things. It gives a thousand benefits to the residents and visitors who came to this island. Therefore, Pulau Besar is considered as sacred due to superstitious properties such as to cure diseases, purify the heart and fulfil the wishes of visitors. Normally, the Malay community in Melaka will visit some of the places such as grave yard, caves, trees and boulders to pray, wishes, fulfil vows, and spiritual treatment sessions on the island. The effects of the influence of animism and Hindu-Buddhism inherited from previous ancestors have been practiced since time immemorial. However, the community began to adjust its practices to suit the religion of Islam as soon as it was introduced in the Malay world. The objective of study is to identify the mystical elements and worship among Malay community in Pulau Besar. Study has applied method of documentation and observation in order to identify worship practices among the visitors in Pulau Besar. Based on the study, some pre-Islamic practices are still followed and became as an important ritual ceremony in Pulau Besar which is against the guidelines as regulated by the Islamic Religious Council of Melaka (MAIM).

**Keyword:** Melaka; Malay; mystic, worship; Pulau Besar

### PENGENALAN

Pulau Besar yang terletak dalam daerah Melaka Tengah dengan longitud 102°19'40"68E ini merupakan salah sebuah lokasi tumpuan di Melaka yang banyak dikaitkan dengan kisah mistik dan lagenda. Pulau ini terletak tujuh batu mautika dari bandar Melaka yang mengambil masa perjalanan sepuluh minit dari jeti Umbai. Pulau ini dikelilingi pulau-pulau kecil yang lain antaranya Pulau Dodol, Pulau Nangka, Pulau Serimbun, Pulau Lalang, Pulau Undan dan Pulau Hanyut (Syaimak Ismail, 2018). Pulau Besar mempunyai bentuk semula jadi yang istimewa yang menyerupai seorang wanita yang sedang tidur dan sangat masyhur sebagai pusat penyebaran agama Islam yang terawal di Nusantara pada abad ke-15. Pulau ini turut menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara. Atas dasar itu, pihak kerajaan Negeri Melaka menerusi Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) telah mengambil inisiatif dengan membina sebuah muzium yang memaparkan kisah sejarah dan lagenda di Pulau Besar di samping mengambil alih dan membaik pulih kubur-kubur yang terdapat di pulau berkenaan (PERZIM, 2014).

Pulau Besar telah mula didiami oleh orang selat atau orang laut sebelum Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ditubuhkan lagi pada tahun 1262 (Abdul Rahman Ismail et.al, 2012:7). Kebanyakan mereka telah membina penempatan berhampiran kawasan pantai dan tepi laut serta menjalankan aktiviti menangkap ikan sebagai sumber makanan dan juga pendapatan utama mereka. Tidak kurang juga sebahagian kecil yang memilih untuk terlibat dengan kegiatan lanun yang merompak hasil nelayan dan juga kapal-kapal pedagang yang merentasi Selat Melaka. Orang laut dikatakan mempunyai perwatakan yang kasar serta

memiliki kepandaian dalam ilmu persilatan dan pembinaan kapal. Kehandalan mereka bersilat dan berenang menggerunkan para nelayan yang mencari rezeki di laut dan juga kepada pedagang yang melalui Selat Melaka. Oleh demikian, ramai yang datang ke pulau ini untuk mempelajari ilmu persilatan daripada guru-guru silat yang mendiami pulau tersebut (Brown, C.C. 2009:117).

Terdapat beberapa pendekar besar yang dikatakan mendiami pulau ini seperti Panglima Lidah Hitam, Pendekar tujuh Beradik, Tok Janggut dan Tok Putih. Dalam kalangan pendekar-pendekar yang tinggal di Pulau Besar ini juga ada mengamalkan ilmu hitam dan mistik sebelum ketibaan para pendakwah Islam ke pulau ini. Keadaan ini telah membuatkan nama Pulau Besar semakin terkenal dan ada yang memanggilnya ‘pulau hajat’ kerana semua hajat yang diinginkan akan termakbul setelah mereka ‘berdoa’ di pulau ini. Kelebihan ini menjadikan Pulau Besar menjadi tumpuan ramai yang ingin mencuba nasib mereka dengan melakukan aktiviti ritual terutamanya pemujaan ke atas kubur, batu dan pokok. Amalan pemujaan pertama di lakukan di pulau ini adalah ‘mandi safar’ yang diisi dengan aktiviti tarian dan nyanyian (PERZIM, 2014).

Pulau Besar bukanlah satu-satunya pulau yang dianggap sebagai lokasi keramat kerana selain daripada Pulau Besar, terdapat beberapa tempat penting di seluruh Malaysia yang dikatakan mempunyai keramatnya yang tersendiri (Winstedt, 1924:10). Winstedt (1924:10) mengkategorikan beberapa ciri penting unsur pemujaan yang kebiasaannya dilakukan oleh masyarakat Melayu seperti pemujaan ke atas objek semulajadi seperti batu, pokok, teluk dan puncak gunung. Pemujaan ke atas haiwan yang dianggap keramat seperti harimau dan buaya. Pemujaan ke atas kubur bomoh atau bidan yang mahir dalam ilmu sihir. Pemujaan kubur penyebar agama, pengasas kerajaan dan wali-wali Allah. Antaranya seperti kubur keramat Syaikh Muhammad dan Syaikh Ahmad di Bukit Gadong, Melaka, kubur bidan wanita tua di Kemunting, Perak dan kubur Shaikh Sentang di Pahang. Selain itu, terdapat juga makam Sultan Iskandar iaitu sultan terakhir Singapura yang terletak di bahagian tengah bandar Singapura dan gagal dialih ke lokasi lain dan dianggap keramat oleh masyarakat Melayu. Selain itu, makam bomoh terkenal yang dipayungi pohon cempaka kuning yang terletak di Jempul Negeri Sembilan juga dianggap keramat. Kubur Raja Nek iaitu tabib di istana di Perak juga dianggap keramat. Masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu akan mengunjungi tempat-tempat berkenaan dengan tujuan berdoa, bernazar dan memohon hajat. Tempat-tempat yang dianggap keramat ini menjadi lokasi penting sejak awal abad ke-19 lagi dan menjadi kepercayaan utama bagi masyarakat Melayu untuk menjalankan ibadat (Winstedt, 1924:264).

## AKULTURASI BUDAYA DAN AGAMA DI ALAM MELAYU

Kepercayaan dan agama adalah dua aspek sosial yang sukar untuk dipisahkan kerana sebahagian besar kepercayaan itu dikaitkan dengan agama. Manusia sama sekali tidak akan terlepas daripada pengaruh agama yang dianuti yang kebiasaannya akan melahirkan satu bentuk budaya yang bersesuaian dengan saranan agama anutan tersebut (Jerna Petri, 2018:179). Sebelum kedatangan Islam ke alam Melayu, masyarakat Melayu sangat berpegang kepada ajaran animisme dan Hindu-Buddha. Animisme adalah satu bentuk kepercayaan yang berada di dalam sebuah masyarakat. Istilah ini berasal daripada bahasa Latin iaitu *anima* yang membawa maksud kepercayaan terhadap makhluk halus atau *spiritual being* (Taylor, E.B. 1965:10). Istilah yang diperkenalkan oleh Taylor, E.B. (1965:10) memberi penghususan kepada satu bentuk kepercayaan primitif yang memberi penekanan kepada kewujudan makhluk halus dan roh sebagai asas kepada kepercayaan manusia. Fahaman animisme ini lahir hasil daripada pengalaman yang dilalui manusia itu sendiri

seperti mimpi, khayalan dan peristiwa kematian yang menimbulkan tanda tanya sehingga manusia percaya akan kewujudan roh dalam diri mereka (Taylor, E.B. 1965:12). Masyarakat Melayu beranggapan benda-benda yang berada disekeliling mereka mempunyai semangat dan kuasa ghaib seperti kuasa matahari, bulan dan bintang. Penghormatan terhadap alam juga boleh dilihat apabila golongan intelektual Melayu sering menggunakan metafora sebagai medium utama dalam kehidupan sehari-hari yang diperolehi berdasarkan kepada penggunaan akal fikiran dan pengamatan terhadap alam sekitar. Hal ini memberikan kesan kepada kehidupan masyarakat Melayu yang kemudiannya memberikan penghormatan terhadap alam melalui aktiviti sehari-hari seperti di dalam percakapan dan tingkah laku mereka (Othman Yatim, et.al, 2011:73). Oleh demikian, mereka melakukan pemujaan atau penyembahan ke atas batu-batu, pokok-pokok, sungai-sungai, gunung dan fenomena alam yang lain sebagai tanda menghormati dan percaya akan kewujudan semangat yang terdapat pada alam sekeliling (Muhammad Haji Salleh, 1976:598).

Kuasa ghaib pula disifatkan sebagai makhluk halus seperti hantu, jembalang atau jin yang menjadi penunggu kepada objek berkenaan dan untuk berhubung dengan perkara ghaib ini masyarakat Melayu menggunakan khidmat bomoh dan pawang sebagai orang tengah. Bomoh dan pawang dipercayai dapat menghalau hantu melalui acara ritual yang dijalankan (Ryan. N.J, (1962). Selain daripada itu, terdapat juga hantu lain seperti hantu air, hantu puteri, hantu pari, langsuir, pontianak, penanggal dan hantu langit. Hantu-hantu ini dikatakan mempunyai watak yang berbeza dan memainkan peranan jahat. Misalnya seperti hantu air yang boleh menahan sebuah perahu atau kapal daripada bergerak walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk menggerakan perahu dan kapal tersebut (Haron Daud, 1993:29).

Kepercayaan animisme seterusnya melahirkan kepercayaan dinamisme hasil tindak balas masyarakat Melayu ke atas kepercayaan terhadap kekuasaan alam sekitar dan makhluk ghaib. Kepercayaan dinamisme melahirkan magis iaitu penguasaan terhadap tenaga ghaib melalui upacara ritual yang dilaksanakan oleh pawang, bomoh atau ahli nujum. Sebelum kedatangan Islam, peranan ahli nujum adalah penting dan raja akan menggunakan khidmat mereka untuk mendapatkan sesuatu maklumat, perubatan dan juga meramal masa depan. Peranan ahli nujum ini sangat penting bahkan mereka diberi satu jawatan khusus di dalam istana (Van Dissel, 1965:13). Tilikan yang dilakukan oleh ahli nujum ini berkait rapat dengan ilmu firasat yang dapat memberi kelebihan kepadanya untuk menilai kekuatan, kelemahan dan perkara yang bakal terjadi. Kepercayaan kepada ilmu firasat ini boleh dikaitkan dengan konsep ‘Memilih Ketika’ dalam kalangan masyarakat Melayu. Misalnya dalam seminggu pasti ada sehari yang boleh membawa sial, oleh demikian mereka akan berhati-hati untuk untuk memilih hari bagi memulakan pekerjaan atau rancangan untuk mendirikan rumah, mengerjakan sawah dan merantau. Memilih ketika ini sangat peting bagi mengelak ancaman buruk atau bencana.

Oleh demikian, masyarakat Melayu percaya bahawa penunggu dan penghuni suatu kawasan itu harus dipuja seperti nelayan yang menetap di tepi pantai akan memuja laut dengan memberi makan demi menjaga keselamatan serta kemaslahatan anggota masyarakat. Makanan yang disediakan akan dihanyutkan ke arah pantai untuk dimakan oleh hantu laut dengan harapan hidupan laut akan bertambah dan nelayan tidak diancam keselamatan mereka sewaktu mencari rezeki dilautan (Ryan. N.J, (1962). Masyarakat Melayu juga percaya bahawa untuk memasuki suatu Kawasan, mereka perlu meminta izin daripada penghuni kawasan tersebut bagi mengelakan ancaman makhluk ghaib berkenaan. (Mohd Din Ali, 1957:6). Walaubagaimanapun, tidak semua makhluk ghaib dianggap jahat tetapi ada jugak yang dilihat boleh memberi manfaat kepada manusia seperti ilmu hitam yang dikatakan dapat mempengaruhi manusia dan bentuk amalan ilmu ini dilaksanakan melalui proses jampi dan mentera. Penggunaan ilmu hitam ini digunakan secara berluasa dalam masyarakat Melayu

tradisional bahkan terbawa-bawa dalam kehidupan masyarakat Melayu moden (Haron Daud, 1993:33).

Kedatangan agama Hindu-Buddha yang dibawa masuk dari India pada abad keempat hingga 14 M telah menjadi agama anutan masyarakat Melayu di Nusantara. Dalam tempoh itu juga, muncul kerajaan-kerajaan yang berlatar belakang ajaran Hindu-Buddha seperti kerajaan Champa, Funan, Srivijaya, Sailendra, Mataram, Airlangga, Kediri dan Majapahit (Minoo Masani, 1965:75). Fahaman animisme dan Hindu-Buddha ini menjadi nadi utama yang membentuk pemikiran dan kepercayaan masyarakat Melayu dan fahaman tersebut sukar sekali dikikis daripada aktiviti harian mereka walaupun Islam telah bertapak dalam diri masyarakat Melayu saat itu (Haron Daud, 1993:27). Fahaman animisme dan ajaran Hindu-Buddha dianggap mempunyai persamaan dan menjadi pegangan asas masyarakat Melayu terutamanya golongan atasan terhadap kepercayaan tersebut. Kedua pegangan ini dilihat mempunyai persamaan daripada aspek penyembahan roh serta kepercayaan terhadap mahkluk halus dan dewa-dewi yang bersifat ghaib, mempunyai kuasa sakti dan boleh menjelma ke bentuk lain seperti pokok, batu, bukit, pantai dan sungai. Masyarakat Melayu juga memuja dan menyeru dewa-dewi dalam agama Hindu seperti Siva, Laksmana, Seri Rama, Kala, Betara guru dan Brahman (Wisntedt, 1947:24).

Kebiasaannya, ritual keagamaan yang dijalankan menggunakan jampi mentera bagi memuja dewa-dewa yang dipercayai menjelma dalam bentuk pokok, batu, bukit dan lain-lain. Kebanyakan jampi mentera tersebut menggunakan istilah ‘om’ yang merujuk kepada dewa yang dianggap mempunyai kuasa sakti (Naim Tamjdis, 2019:41). Setelah kedatangan Islam ke alam Melayu, masyarakat tempatan yang beragama Islam masih lagi mengamalkan adat dan budaya tinggalan nenek moyang. Mereka masih tidak dapat meninggalkan segala bentuk fahaman animisme dan kepercayaan Hindu-Buddha yang sebatی sebagai satu budaya turun-temurun dalam kehidupan sehari-hari mereka. Menurut Wilkinson (1909:12) elemen kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha masih lagi diteruskan oleh masyarakat Melayu. Walaubagaimanapun, ini tidak bermakna masyarakat Melayu menafikan kekuasaan Allah, tetapi kepercayaan mereka diserasikan dengan kepercayaan bahawa kekuasaan Allah mengatasi kekuasaan jin dan syaitan yang cuba merosakan manusia (Syed Husin, 1975:80).

Ketika nilai agama bertembung dengan budaya, dua perkara yang akan berlaku sama ada budaya tersebut menjadi serapan yang bernilai atau sebaliknya. Adat dan budaya dilihat sebagai sesuatu yang berharga manakala agama adalah satu pegangan yang perlu dipelihara. Pertembungan diantara budaya dan agama akan menyebabkan berlakunya proses akulterasi iaitu percampuran diantara budaya dan agama yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Menurut Sidi Gazalba (1967:119), akulterasi adalah satu bentuk percampuran diantara satu budaya dengan hal-hal asing yang boleh berlaku secara sukarela atau paksaan. Dalam konteks ini, akulterasi kebudayaan Melayu itu berlaku secara sukarela apabila budaya dan agama itu disesuaikan mengikut kesesuaian tempatan.

Menurut Jurna Petri (2018:183), Akulterasi yang berlaku diantara budaya setempat dan agama berada dalam kategori *accommodate acculturation*. Masyarakat Melayu mampu beradaptasi dengan baik apabila agama Hindu-Buddha diperkenalkan dan apabila Islam datang, masyarakat Melayu masih lagi dapat mengadaptasikan dengan baik diantara kebudayaan Melayu dan Islam. Nilai-nilai dalam agama Islam berjaya mengubah masyarakat Melayu yang jahil kepada berilmu, membentuk nilai-nilai moral positif dan mewujudkan sistem sosial yang sistematik. Pengaruh Islam telah membentuk satu nilai dan budaya baru melalui proses akulterasi yang menggabungkan nilai yang dianjurkan oleh Islam dengan budaya tempatan yang telah menjadi amalan turun-temurun.

Apabila Islam dibawa ke alam Melayu, berlaku akulterasi diantara fahaman Hindu-Buddha dan ajaran Islam yang dilihat berkembang luas di seluruh kepulauan Melayu

termasuklah Pulau Besar di Melaka. Islam juga berjaya diadaptasi dengan baik dengan budaya leluhur masyarakat tempatan sehingga melahirkan satu bentuk budaya baru yang boleh diterima masyarakat di alam Melayu (Paisun, 2010:158). Oleh demikian, Islam boleh diterima dengan baik di kawasan kepulauan Melayu tanpa sebarang tentangan oleh masyarakat Melayu, bahkan budaya tempatan diimplementasikan dengan baik mengikut kesesuaian yang disarankan Islam.

Pemikiran ini bertentangan dengan saranan agama Islam yang melarang sebarang bentuk penghormatan yang berlebihan atau pemujaan kepada perkara lain selain daripada Allah kerana perbuatan ini dilihat memberikan kemudaratkan kepada manusia seperti yang di jelaskan dalam surah Yunus, ayat ke 106 bermaksud; “*Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)*”. (Al-Qur'an, Yunus 10:106). Menurut Winstedt (1981:18-44), masyarakat Melayu dikatakan menganut tiga kepercayaan utama iaitu animisme, Hindu-Buddha dan ajaran Islam, namun demikian pandangan tersebut disangkal oleh Haron Daud (1993:28) yang menegaskan bahawa agama anutan masyarakat Melayu adalah agama Islam sahaja. Manakala unsur-unsur lain hanyalah fahaman yang menjadi kepercayaan awal sebelum Islam diperkenalkan.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa unsur penting yang dilihat masih sukar untuk dibuang sepenuhnya daripada pemikiran masyarakat Melayu iaitu adat dan budaya Melayu yang bertentangan dengan ajaran Islam yang diterima secara turun temurun daripada leluhur terdahulu. Sistem nilai yang berasaskan budaya dilihat sebagai sesuatu unsur yang memberikan manfaat dan kebaikan kepada masyarakat. Terdapat beberapa upacara ritual melibatkan unsur tradisi dan unsur agama yang digabungkan bagi mendapatkan hajat yang dingini. Hal ini boleh dilihat dalam ritual semangat padi yang melibatkan bomoh dan ustaz. Tugas bomoh adalah untuk memohon agar semangat padi tidak lari dan kekal manakala perananya ustaz pula adalah menjalankan solat hajat dan berdoa kepada Allah. S.W.T agar usaha penuaan padi berjalan lacar dan tidak terganggu oleh sebarang anasir negatif. Selesai ritual berkenaan kenduri kesyukuran akan diadakan bagi memohon perkenan daripada Allah S.W.T dan unsur yang terdapat dalam agama Islam adalah penentu kepada kejayaan upacara ritual yang dijalankan (Mohamad Maulana Magiman & Othman Yatim, 2012:264). Oleh demikian, pemikiran masyarakat Melayu yang melihat penghormatan yang diberikan kepada alam adalah suatu kewajaran bagi memastikan masyarakat Melayu terpelihara daripada sebarang bentuk anasir jahat dan pada masa yang sama masih mengutamakan Islam sebagai teras kepercayaan (Jerna Petri, 2018:185).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan deskriptif untuk menghuraikan secara mendalam tentang pengaruh animisme dan ajaran Hindu-Buddha dalam adat dan budaya Melayu. Kajian ini berbentuk kajian lapangan yang mana penulis mengunjungi Pulau Besar dan melakukan penyelidikan di pulau berkenaan selain melakukan pemantauan setiap aktiviti pemujaan yang dilakukan di Pulau Besar. Penyelidikan ini juga menggunakan metod temubual bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan aktiviti pemujaan yang dijalankan di pulau ini.

## PERBINCANGAN

Pulau Besar sememangnya terkenal sebagai pulau yang menyimpan pelbagai peristiwa sejarah sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke-15. Sejarah yang berlaku telah menjadikan pulau ini sebagai satu lokasi yang dianggap suci dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia umumnya dan Melaka khususnya. Pelbagai aktiviti yang berbentuk pemujaan dijalankan di pulau ini yang akan dibincangkan satu persatu di dalam penulisan ini.

### LOKASI MISTIK DI PULAU BESAR

Pulau-pulau yang terdapat di negeri Melaka ini hampir majoritinya berusia ratusan tahun dan menjadi lokasi menjalankan acara ritual atau pemujaan terhadap perkara mistik antara seperti upacara menolak bala, menunaikan hajat atau melunaskan nazar. Daripada kesemua lapan belas pulau di seluruh negeri Melaka ini, Pulau Besar, Pulau Lalang, Pulau Upeh, Pulau Konet dan Pulau Keramat menjadi lokasi penting masyarakat daripada seluruh dunia datang bagi melaksanakan acara ritual di pulau berkenaan. Pulau Besar penuh keramat dan mitos yang menjadi daya tarikan pelancong tempatan dan luar negara khususnya dari India, Singapura dan Pakistan. Mereka mempercayai kealiman dan kehebatan para wali Allah yang dikuburkan di situ terutamanya Sheikh Ismail. Mereka akan bernazar pada waktu malam bagi memperoleh hajat-hajat tertentu seperti mendapatkan anak dan maju dalam perniagaan. Ayat-ayat azimat menyerupai tulisan Arab akan digantung di pintu restoran mamak atau India-Muslim ini. Mereka yang bernazar menyembelih seekor kambing biasanya akan berjumpa dengan pengurus surau yang terletak di tepi kubur Sultan al-Arifin dengan menyerahkan sejumlah wang tertentu (Zaidi, 2018).

Hasil daptan kajian menunjukkan bahawa kebiasaannya pengunjung yang datang ke pulau di sekitar Melaka ini akan melakukan beberapa aktiviti penting seperti berdoa, memohon hajat dan bermeditasi di sisi kubur tokoh-tokoh yang dianggap keramat. Selain daripada itu, terdapat perkhidmatan membacakan yasin khusus buat mereka yang berhajat. Perkhidmatan ini terbuka kepada semua bangsa dan tidak mengira agama anutan. Kebiasaanya mereka yang datang membawa hajat ke Pulau Besar ini akan mengunjungi beberapa lokasi penting yang dikatakan mampu menunaikan doa yang dipohon. Mereka yang bernazar ini pada kebiasaannya turut akan melakukan zikir atau bacaan surah Yasin di tepi kubur dengan harapan hajat mereka dikabulkan oleh Allah dengan keberkatan Sultan al-Arifin. Aktiviti pemujaan di pulau ini dipercayai bermula setelah Melaka ditawan penjajah asing dan juga kematian para alim ulama yang tinggal di pulau ini. Akhirnya, pulau ini semakin jarang dikunjungi dan menjadi seperti tempat yang tidak bertuan. Hal ini membuka ruang kepada kumpulan-kumpulan tertentu membuat aktiviti mereka sesuka hati, termasuk melakukan amalan syirik dan khurafat di atas tempat-tempat sejarah yang terdapat di pulau ini (Syaimak Ismail, 2018).

Dapatan kajian juga membuktikan terdapat beberapa tempat pemujaan seperti Keramat Ular, Batu Belah, Gua Yunus dan kawasan perkuburan tertentu yang dijadikan sebagai lokasi pemujaan memohon hajat, menyembah dewa, bertapa (bagi pengamal ilmu persilatan) dan kegiatan yang terpesong jauh daripada ajaran agama Islam. Dalam masa yang sama, segelintir penduduk tempatan pula seakan-akan mengambil kesempatan daripada fenomena ini bagi mengaut keuntungan dengan menjual alat yang digunakan untuk upacara-upacara khurafat seperti kalungan bunga, colok, air bunga mawar dan kelapa. Malah ada juga yang menjual barang-barang lama dan objek yang dianggap mempunyai keramat seperti batu permata, batu geliga, cincin lama, keris lama dan lain-lain dengan harga yang agak tinggi (Syaimak Ismail, 2018).

Lokasi-lokasi pemujaan ini boleh dikenalpasti berdasarkan penemuan simpulan kain kuning, tanda-tanda rahsia menggunakan kapur, angka-angka menarik dan penulisan mentera pada dinding gua atau batu yang terdapat di kawasan persekitaran pulau. Budaya mistik ini menjadi satu kebiasaan di pulau-pulau ini bahkan sukar sekali untuk dihapuskan bahkan lokasi pemujaan ini bukan sahaja didatangi penduduk tempatan yang berbangsa Melayu, tetapi juga menjadi destinasi masyarakat dari seluruh dunia seperti India dan Pakistan yang datang membawa hajat dan menunaikan nazar di pulau ini. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, Pulau Besar mempunyai nilai mistik yang tinggi dan dikatakan sebagai lokasi yang dapat menunaikan kesemua hajat dipohon. Batu-batu besar, pokok berusia ribuan tahun, kubur, busut dan perigi dijadikan alat untuk dipuja dan setiap acara ini diwakili seorang penjaga terdiri daripada penduduk tempatan yang bertanggungjawab memelihara kawasan berkenaan (Syaimak Ismail, 2018).

### PEMUJAAN KUBUR AGAMAWAN

Menurut pemikiran masyarakat Melayu tradisional, roh orang yang telah mati mempunyai kesaktian kerana dapat membantu manusia yang masih hidup dan amalan ini masih lagi dilakukan oleh kebanyakan masyarakat Melayu Islam pada hari ini kerana percaya akan kebolehan orang mati yang berperanan sebagai penghubung kepada tuhan (Koentjaranigrat, 1984: 185). Kebolehan luar biasa yang dimiliki oleh tokoh-tokoh agama dianggap sebagai sesuatu yang keramat bagi masyarakat Melayu. Kepercayaan keramat ini telah wujud sejak sebelum kedatangan Islam di alam Melayu lagi dan ianya sangat berkait rapat dengan fahaman animisme dan Hindu-Buddha. Masyarakat Melayu percaya, roh orang yang telah mati akan sentiasa berada di sekeliling mereka walaupun hidup di alam lain dan roh tersebut boleh mempengaruhi serta membantu manusia yang masih hidup (Naim Tamdjis, 2019:35).

Tokoh yang memiliki keramat akan disanjung dan sekiranya tokoh tersebut meninggal dunia, kuburnya akan dipuja. Masyarakat Melayu beranggapan, pemujaan yang dilakukan ke atas kubur tokoh berkenaan akan memberikan manfaat kepada mereka dan segala hajat yang diimpikan akan tertunai (Abdul Rahman Abdullah, 2012:28-30). Oleh itu, mereka akan menunaikan nazar dengan harapan setiap yang dihajatkan itu akan tercapai selaras dengan pemerhatian yang dilaksanakan di dalam kajian ini (Syaimak Ismail, 2018).

Terdapat sesetengah daripada orang Melayu memuja kubur-kubur yang dianggap keramat dalam usaha meminta pertolongan bagi mengubati penyakit yang di alami (Abdul Manan, 2013:16). Aktiviti menziarahi kubur ini sudah menjadi suatu kebiasaan dalam kalangan masyarakat Melayu sejak sebelum kedatangan Islam ke alam Melayu. Apabila mereka berhajatkan sesuatu, mereka akan menziarahi kubur tokoh keramat dengan harapan doa yang dibacakan didengari simati dan doa berkenaan disampaikan kepada tuhan. Masyarakat Melayu berpandangan bahawa doa tokoh keramat akan dikabulkan oleh tuhan berbanding doa mereka sendiri kerana doa manusia biasa yang banyak melakukan dosa pasti sukar untuk ditunaikan oleh tuhan. Tokoh keramat yang sudah mati dikatakan dapat memberi pertolongan kepada mereka yang masih hidup. Daripada aspek budaya, perbuatan ini dikatakan baik kerana dapat membantu manusia yang memiliki dosa yang banyak mendapat apa yang dihajati melalui doa tokoh keramat yang dipohon bantuannya (Jamaluddin, 2014:257).

Pemuja-pemuja kubur di Pulau Besar di Melaka pula menganggap kebanyakan kubur-kubur di Pulau tersebut adalah kubur wali-wali Allah yang keramat. Menurut Ahmad (1997:12) Kubur-kubur di pulau tersebut tidak mempunyai pemilik tetapi dikaburi oleh kumpulan-kumpulan jin yang mendiami pulau tersebut dan memberitahu mereka melalui mimpi supaya dibangunkan kubur-kubur untuk pemujaan. Namun hal ini disangkal oleh pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam  
**ISSN 1675-7513**

Melaka (MAIM) yang menganggap kubur keramat yang terletak di Pulau Besar ini merupakan milik tokoh-tokoh agama yang pernah menyebarkan Islam di Melaka berdasarkan rekod sejarah di negeri berkenaan dan penemuan rangka manusia hasil daripada penggalian kubur-kubur ini atas nasihat Majlis Fatwa Melaka bagi mengesahkan kewujudan kubur ini (Ein Azmi, 2001; PERZIM, 2014).

Pemilik kubur yang terletak di bahagian tengah pulau ini ialah Sultan Ibrahim atau juga dikenali sebagai Syeikh Ismail bin Sayyid Abdul Qadir Bin Sayyid Abdul Jabbar. Beliau dikatakan lahir daripada jurai cucu-cicit Nabi Muhammad iaitu daripada keturunan Saidina Hussain. Beliau dikatakan berhijrah ke Pulau Besar Bersama pengikutnya dan menyebarkan ajaran Islam di Jawa setelah menerima seruan daripada suara yang tidak dikenali sewaktu sedang menziarahi makam Nabi Muhammad s.a.w. (Ana Faqir, 2008:114). Beliau kemudiannya berhijrah ke Pulau Besar yang ketika itu berada di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1488-1511M) bersama gurunya Syeikh Yussuf Siddiq dan abangnya Syeikh Ibrahim beserta tiga belas orang pengikut. Jumlah pendakwah di Pulau Besar semakin bertambah apabila pendakwah-pendakwah dari Yaman, Syria dan Semenanjung Arab datang untuk sama-sama menjalankan usaha penyebaran dakwah di pulau berkenaan (Faizal Haron, 2015:43).

Dianggarkan sebanyak dua puluh sembilan kubur yang berjaya dikesan wujud di sekitar kawasan Pulau Besar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak dua puluh tiga buah merupakan kubur lelaki dewasa, Lima buah kubur wanita dewasa dan sebuah kubur kanak-kanak lelaki yang menjadi pengikut setia Sultan Ariffin sewaktu berhijrah ke pulau Besar. Antara kubur-kubur yang dianggap keramat di Pulau Besar Melaka ialan kubur Sultan al-Arifin, kubur Syeikh Yusof, kubur Syarifah Rodziah, kubur Tujuh Beradik, kubur Tok Janggut dan kubur Nenek Kebayan. Kebiasanya masyarakat tempatan akan mengunjungi kubur-kubur ini bagi memohon hajat, berdoa dan bermeditasi di kubur-kubur tokoh yang dianggap keramat ini dengan harapan tokoh keramat berkenaan boleh menunaikan hajat mereka. (Azman Rahman, 2012:14) Hasil serbuan yang dijalankan MAIM juga pernah menemui sejадah dan tasbih di kubur-kubur ini yang digunakan untuk aktiviti pemujaan (Ein Azmi, 2001).

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat kumpulan tertentu yang mempunyai hajat dan ingin menunaikan nazar akan bertapa disisi kubur tokoh-tokoh keramat berkenaan. Mereka akan bermeditasi, berdoa, dan menunaikan solat hajat di sisi kubur berkenaan. Ada juga yang membakar setanggi, lilin dan colocok disekeliling kubur selain menyediakan makanan seperti pulut kuning dan ayam bagi upacara korban dengan harapan hajat mereka ditunaikan (Syaimak Ismail, 2018). Ini disokong oleh Zaidi (2018) bahawa sebahagian daripada mereka akan melakukan upacara menurun disisi kubur tokoh-tokoh ini dengan tujuan untuk merawat penyakit yang dialami. Upacara perubatan yang dijalankan adakalanya menyebabkan pesakit meraung, meracau dan bertindak agresif. Tindakan pesakit ini dianggap sebagai satu proses penyembuhan yang sedang dilalui dan akan beransur sembuh setelah beberapa tempoh.

## PEMUJAAN SEMANGAT

Menurut Ryan (1962:26), semangat adalah aspek yang paling utama dalam kepercayaan animisme yang wujud dalam diri manusia, haiwan, pokok, bukit-bukau dan batu. Walaubagaimanapun, semangat berbeza daripada roh kerana roh tidak sebatik dalam kehidupan manusia. Semangat adalah suatu yang perlu dijaga agar ia tidak lari ke tempat lain. Semangat dikatakan mempunyai persamaan dengan sifat manusia seperti lapar, marah, baik, jahat, suka merajuk dan suka dipujuk. Oleh sebab itu, semangat ini akan dipuja atas sebab kepercayaan tersebut. Orang yang kehilangan semangat akan kelihatan lesu dan

keletihan, rumah yang tiada semangat akan kelihatan tidak bermaya manakala tanaman akan kurang penghasilannya sekiranya semangat hilang (Evans, 1970:18). Sehubungan itu, semangat akan dipuja bagi memastikan semangat tersebut tidak hilang dan sekiranya ianya berlaku masyarakat tempatan akan menerima kesan buruk.

Di Pulau Besar terdapat banyak lokasi pemujaan yang sedaya mungkin dipelihara dan dipuja semangatnya agar terus kekal dan tidak hilang. Antaranya adalah seperti pemujaan semangat Pokok Disula. Menurut kepercayaan masyarakat Melayu, pokok ini adalah sumpahan ke atas pasangan kekasih yang sedang bermadu kasih di bawah pokok berkenaan. Akibatnya pasangan tersebut disumpah dan kekal seperti rupanya pada hari ini. Masyarakat Melayu percaya bahawa pokok ini mempunyai semangatnya yang tersendiri dan harus dipuja agar semangatnya tidak hilang. Pengabaian kepada pemujaan pokok ini akan memberikan kesan negatif kepada masyarakat yang menghuni Pulau Besar (Hassan Omar, 2018). Ada juga sebahagian pengunjung yang terdiri daripada pasangan kekasih yang datang mengabadikan pertemuan di hadapan pokok ini dengan harapan hubungan yang dibina berkekalan (Hassan Omar, 2018). Berdasarkan pemerhatian penyelidik terbukti melalui penemuan ikatan kain perca berwarna kuning pada dahan dan ranting pokok. Manakala di bawah pokok terdapat bekas tinggalan makanan yang dipercayai pulut kuning dan bangkai ayam yang kebiasaannya digunakan untuk memuja semangat (Syaimak Ismail, 2018).

## PENJELMAAN

Kepercayaan ajaran Hindu-Buddha semestinya tidak dapat dipisahkan daripada pemikiran masyarakat Melayu tradisional. Pengaruh agama Hindu-Buddha masih boleh dilihat dengan jelas melalui kepercayaan terhadap penjelmaan dewa-dewi dan kesaktian. Terdapat tiga dewa yang dianggap sebagai tuhan dan wajib ditaati oleh penganut agama ini iaitu Brahman sebagai tuhan pencipta, Vishnu sebagai tuhan penyelamat dan Siva sebagai tuhan perosak. Daripada ketiga-tiga tuhan ini maka akan wujud pula dewa-dewi yang menjelma sama ada dalam watak yang baik atau jahat. Kebiasaanya gunung-ganang atau gua akan dikaitkan dengan tempat tinggal atau tempat bermain dewa-dewi. Dalam Sejarah Melayu sendiri ada menyebut tentang lokasi pendaratan Raja Suran di Bukit Siguntang yang dilihat sebagai lokasi yang paling suci dan mulia. Konsep gunung sebagai tempat yang mempunyai kemuliaan bukan sahaja dipercayai tetapi juga menjadi lokasi pemujaan bagi masyarakat Melayu (Haron Daud, 1993:38).

Pulau Besar tidak terlepas sebagai lokasi pemujaan kerana di pulau tersebut terdapat gunung dan gua yang dijadikan tempat untuk melakukan pemujaan dan menunaikan nazar. Terdapat sebuah gua yang disebut sebagai Gua Yunus. Gua ini dinamakan bersempena dengan nama seorang wali keramat yang merupakan tokoh pertama yang bertapa di gua berkenaan. Orang-orang yang mahu bertapa di gua ini perlu menyelam di dalam air kerana kedudukan gua ini yang berada di dalam laut. Syeikh Yunus dianggap sebagai wali Allah yang sering beruzlah dan menjalani ibadah di dalam gua berkenaan. Beliau hanya akan keluar seminggu sekali bagi mendapatkan bekalan makanan daripada penduduk tempatan. Pada suatu ketika, beliau dikatakan telah ghaib dan batu yang digunakan beliau untuk duduk telah bertukar menjadi warna putih yang asalnya adalah berwarna hitam (PERZIM, 2014). Selepas peristiwa tersebut, masyarakat Melayu akan mengunjungi gua ini untuk bertapa atau menurun. Syeikh Yunus dianggap sebagai penjelmaan dewa dan disebabkan itu, orang ramai akan datang ke gua ini untuk melakukan aktiviti pemujaan dan meminta restu daripada jelmaan dewa berkenaan (Zaidi, 2018).

Selain daripada itu, perigi nenek kebayan juga tidak terlepas daripada menjadi lokasi yang dianggap suci dan wajib disinggahi oleh mereka yang ingin bebas daripada penyakit terutamanya penyakit misteri. Kebiasaannya pengunjung akan melakukan beberapa ritual penting yang diketuai seorang lelaki yang dikenali dengan panggilan Wak Harun yang merupakan penduduk di Pulau Besar sebelum memulakan amalan ritual berkenaan. Setiap yang mahu memulakan proses perubatan akan dimandikan dengan tujuh jenis bunga sambil dibacakan beberapa potong ayat jampi dalam bahasa Jawa. Pesakit tersebut perlu duduk menghadap ke arah matahari terbenam. Colok yang dibakar akan dipasang melingkari pesakit seterusnya akan dimandikan dengan air yang dicedok daripada perigi nenek kebayan tersebut. Mengikut kepercayaan, upacara ini akan membersihkan tubuh pesakit daripada penyakit yang dihidapi melalui jelmaan nenek kebayan yang akan melawan penyakit misteri yang dihidapi pesakit berkenaan. Selesai upacara pembersihan penyakit, si pesakit perlu membayar wang saguhati kepada lelaki yang mengepalai upacara pembersihan (Wak Harun, 2018). Sewaktu penyelidikan dijalankan, seorang pesakit selesai menjalankan ritual penyembuhan penyakit di perigi ini, dimana pesakit wanita berkenaan dimandikan dengan menggunakan air dari perigi nenek kebayan dengan tujuh jenis bungaan. Upacara yang dijalankan bertujuan untuk menyembuhkan pesakit yang mengalami penyakit lemah semangat dan mengembalikan semangat yang telah hilang (Syaimak Ismail, 2018).

Hasil temubual bersama Hassan Omar turut bersepakat bahawa kubur nenek kebayan ini juga tidak terlepas daripada menjadi lokasi pemujaan bagi meminta hajat. Kubur berkenaan adalah milik nenek kebayan yang dahulunya berkerja sebagai bidan kampung yang bernama Siti Fatimah. Batu nisan kubur nenek kebayan ini sedikit unik kerana di bahagian kepala batu nisannya berbentuk perempuan manakala di bahagian kaki pula batu nisannya berbentuk lelaki. Kebanyakan yang datang ke kubur nenek kebayan ini membawa hajat dengan harapan hajat tersebut ditunaikan. Ada juga sebahagian daripada mereka yang melakukan upacara menurun di kubur nenek kebayan ini (Hassan Omar, 2018).

Menurut PERZIM (2014), Tempayan Pecah turut dikenali sebagai perigi nenek kebayan iaitu Nenek Siti Fatimah yang dikatakan sebagai Dang Wangi iaitu isteri kepada Laksamana Hang Jebat. Setelah kematian Hang Jebat, beliau telah meneruskan kehidupan sebagai bidan dan pengamal perubatan. Terdapat beberapa versi berkaitan asal usul Tempayan Pecah ini. Antaranya dikaitkan dengan peristiwa nenek kebayan yang berpesan kepada tujuh anaknya supaya menyiram pokok bunga dan tanaman herba sewaktu beliau keluar mencari akar kayu. Namun, tugas ini hanya dilaksanakan oleh anak yang bongsu sahaja. Nenek kebayan berpesan agar air tersebut diangkut menggunakan baldi namun pesanan ini diingkari oleh anak bongsu yang menggunakan tempayan untuk mengangkut air siraman tersebut. Dalam keadaan tergesa-gesa, tempayan tersebut telah pecah lalu si anak telah mengorek tanah di kawasan tersebut untuk menyembunyikan perbuatannya. Tiba-tiba, terpancut mata air di kawasan yang dikorek dan perigi di tempayan pecah ini berterusan mengeluarkan air sehingga kini dan tidak pernah kering.

Selain itu, perigi ini turut dikaitkan dengan tempayan air yang dibawa oleh Syeikh Ismail sewaktu dalam pengembalaan dakwahnya. Disebabkan terputus bekalan air, beliau dan pengikutnya telah berhenti singgah ke pulau ini untuk mendapatkan bekalan air bersih. Namun begitu, tempayan ini telah pecah sewaktu mengisi air dan dibiarkan sahaja di kawasan tersebut. Tidak kurang juga yang mengaitkan tempayan tersebut dengan elemen mistik di mana ia dikatakan mampu mengubah sesuatu benda yang dimasukkan ke dalamnya menjadi satu objek yang lain. Namun begitu, ia bergantung kepada niat individu yang terlibat di mana sekiranya seseorang ini datang dengan tujuan yang baik, maka mereka akan menperoleh barang yang lebih berharga daripada barang yang telah dicampakkan. Keadaan sebaliknya berlaku apabila mereka yang datang dengan tujuan yang jahat di mana barang yang

dicampakkan itu akan bertukar menjadi haiwan berbisa. Dikatakan perigi ini juga pernah digunakan oleh Sultan Melaka untuk menguji sifat amanah seseorang pegawai istana sebelum mereka diterima untuk berkhidmat di istana. Sehingga kini, ramai yang cuba menyeluk tangan mereka ke dalam perigi itu. Kononnya, ada pengunjung yang berjaya mendapat harta peninggalan nenek itu seperti barang kemas, syiling lama dan sebagainya ketika menyelukkan tangan ke dalam perigi itu. Kerana itulah ia turut dikenali sebagai Perigi Seluk. Dahulunya, perigi ini terletak benar-benar di kaki air laut dan rasa airnya seperti air tawar yang telah lama bertakung, tetapi tidak berbau dan boleh diminum. Setelah kawasan ini dijadikan padang golf, sebuah binaan batu telah didirikan mengelilingi perigi tempayan ini sehingga menghilangkan rupa bentuk asalnya (PERZIM, 2014).

### BATU BELAH

Di atas puncak bukit Pulau Besar, terdapat seketul batu besar yang terbelah dan dikenali sebagai Batu Belah' oleh penduduk tempatan. Penduduk tempatan percaya, batu-batu yang terbelah itu adalah peninggalan pendekar-pendekar lama yang menguji ilmu mereka. Batu besar ini setinggi tiga meter dan mempunyai rekahan di tengah-tengahnya selebar lebih kurang 35 cm dengan kedalaman sejauh 1.5 meter. Terdapat beberapa mitos mengenai belahan tersebut. Antaranya ia dikatakan hasil belahan Panglima Hitam hasil cabaran sekumpulan pendekar dan pahlawan yang sedang menunjukkan kehebatan ilmu masing-masing. Beliau menghampiri batu besar tersebut dan menjelirkannya yang hitam itu lalu membela batu tersebut. Selain itu, dikatakan sebuah tongkang telah pecah di muara sungai Batu Pahat, Johor. Sebahagiannya telah hanyut ke Pulau Besar dan menjadi batu manakala sebahagian yang lain pula tersadai di Kampung Tongkang Pecah. Ada juga yang mengaitkan batu ini dengan adik Syeikh Ismail bernama Abdul Jalal yang turut menetap di pulau ini. Beliau merupakan seorang yang tegas dan alim serta sering menasihati penduduk pulau yang menjalankan kegiatan melanun. Setelah beberapa lama nasihatnya tidak diendahkan, beliau marah lalu menghempaskan batu tersebut ke tanah lalu terbelah menjadi dua (PERZIM, 2014).

Berdasarkan pemerhatian penyelidik, orang ramai mengunjungi Batu Belah dengan membawa pelbagai hajat. Mereka akan masuk ke dalam batu tersebut dengan melalui bahu sebelah kiri dan berjalan secara mengiring kemudian apabila sampai di penghujung tangan kanan akan mencapai dinding sambil menyebut hajat yang dingini. Pada bahagian dinding batu ini juga dipenuhi dengan pelbagai jenis angka yang dianggap bertuah dan boleh memberi kekayaan kepada pengunjung yang datang membuat pemujaan di Batu Belah ini. Selain daripada itu, aktiviti pemujaan untuk memohon pertolongan dan kekayaan akan dilakukan oleh seorang lelaki yang mendakwa dirinya dilantik oleh kuasa ghaib dan sebagai balasan si pemohon perlu membayar upah bagi setiap aktiviti pemujaan yang dijalankan. Kebanyakan pengunjung yang datang akan bertemu lelaki berkenaan yang dianggap mampu memberikan kekayaan melalui ritual yang dijalankan. Kebiasaannya mereka akan mendapat angka-angka bertuah untuk dipertaruuhkan dalam perjudian. Oleh sebab itu, pengunjung boleh melihat pelbagai susunan angka menarik yang diukir dengan kapur memenuhi dinding Batu Belah ini (Syaimak Ismail, 2018). Dalam konteks ini, masyarakat Melayu percaya bahawa terdapat bomoh yang mampu memanggil semangat duit atau dengan kata lain bomoh ekor. Melalui ritual yang dijalankan oleh bomoh ekor, semangat duit akan datang dengan berlipat ganda dan dapat memberikan keuntungan serta kekayaan kepada pemuja. Kebiasaannya, kaki judi akan meminta bantuan daripada bomoh ekor untuk menjalankan ritual memanggil semangat duit dengan harapan mereka akan menang berjudi selepas upacara berkenaan. Ritual ini akan dijalankan secara khusus dengan membacakan beberapa ayat jampi

mentera sehingga bomoh berkenaan mendapat ilham dengan kewujudan beberapa nombor yang ditulis di atas kertas yang dianggap nombor bertuah untuk memenangi perjudian (Azlina Musa & Yusmilayati Yunos, 2013:111).

### BARANG SUCI

Masyarakat Melayu yang mengunjungi Pulau Besar beranggapan bahawa setiap barang yang terdapat di pulau ini mempunyai keramat. Kebiasaannya mereka akan mengambil segala bentuk barang suci seperti batu, daun dan ranting yang terdapat di sekitar kubur tokoh ulama, perigi nenek kebayan dan perigi tempayan pecah yang terletak di hujung pulau untuk dijadikan sebagai azimat dan pelindung daripada segala penyakit dan mudarat selain mengharapkan keberkatan. Barang-barang yang dikutip itu akan direndam dengan air dan digunakan untuk mandi atau diminum dengan tujuan untuk menyembuhkan diri daripada penyakit, bebas gangguan sihir dan memulihkan kembali semangat yang hilang. Air rendaman yang diminum dipercaya dapat membersihkan hati seseorang, menimbulkan keserian dan merawat penyakit kulit yang dihidapai seseorang (Zaidi, 2018). Barang-barang yang diambil kebiasaannya akan direndam di dalam air yang diambil dari kolah masjid yang terletak bersebelahan kubur Sultan Ariffin yang dianggap keramat dan mampu menyembuhkan penyakit yang dihidapi seseorang (Hassan Omar, 2018).

### PANTANG LARANG DI PULAU BESAR

Masyarakat Melayu sangat mengutamakan adat bahkan terdapat satu jawatan khusus sebagai Tok Adat di setiap penempatan Melayu. Adat ialah satu resam, lembaga, peraturan, hukum dan norma yang dipelihara oleh masyarakat Melayu. Bagi menjaga adat Melayu, maka wujudlah pantang larang sebagai panduan kepada masyarakat agar tidak melanggar adat. Pantang larang adalah sesuatu perbuatan yang dilarang untuk dilakukan menurut adat Melayu. Seseorang yang melanggar pantang larang akan menyebabkan kesan negatif seperti ditimpa tulah, gangguan, bentan dan membawa kemudarat. Disebabkan masyarakat Melayu menganut fahaman animisme, sesetengah pantang larang akan dikaitkan dengan hantu jembalang dan makhluk halus. Namun demikian, pantang larang ini digunakan untuk menakutkan orang supaya tidak melanggar adat (Naim Tamjdis, 2019:139-140).

Bagi pengunjung yang datang ke Pulau Besar, mereka perlu mematuhi beberapa pantang larang penting agar mereka tidak ditimpa musibah sewaktu melakukan upacara ritual di pulau itu. Terdapat beberapa pantang-larang yang penting dan harus dipatuhi untuk mengelakkan pengunjung selamat daripada perkara yang tidak diingini. Antara pantang larang yang harus dipatuhi itu ialah pengunjung tidak dibenarkan membawa atau minum arak ke pulau. Mereka juga tidak dibenarkan membawa atau makan daging babi atau anjing ke pulau ini. Selain daripada itu, mereka juga dilarang melakukan aktiviti maksiat di pulau ini, tidak berniat jahat, cakap besar, berlagak atau bodoh sombong. Menurut kepercayaan orang tempatan, mereka yang melanggar pantang-larang ini selalunya akan mengalami nasib buruk seperti mati lemas, gila dan terkena hukuman serta merta kerana dimurkai. Bahkan upacara ibadat yang dijalankan di pulau ini juga tidak akan dikabulkan dan ditolak oleh tokoh-tokoh keramat yang bersemadi di pulau tersebut. Pantang larang ini bertujuan untuk memelihara nilai mistik Pulau Besar agar tidak dicemari dengan anasir negatif yang boleh mencemarkan kesucian pulau ini (Azman Rahman, 2012:17).

## KESIMPULAN

Islam telah bertapak di alam Melayu sejak dari abad ke-15. Namun demikian, berdasarkan kajian dan observasi yang dijalankan, pengaruh ajaran animisme dan Hindu Buddha masih dapat dikenalpasti dalam diri masyarakat Melayu melalui aktiviti pemujaan dan kepercayaan kuat kepada unsur-unsur ghaib yang terdapat di pulau ini. Pulau Besar dianggap sebagai tempat yang suci bagi sesiapa yang mahu menjalankan ibadat, membayar nazar dan berhajatkan sesuatu. Namun demikian, pulau ini dianggap sebagai tempat yang dipenuhi dengan unsur khurafat oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM) berdasarkan kepada bentuk pemujaan dan ibadat yang dilakukan di pulau ini. Pihak berkuasa negeri Melaka dan MAIM sering menjalankan pemantauan bagi menyekat pemujaan yang dilihat bertentangan dengan ajaran Islam. Pihak kerajaan negeri Melaka juga menjalankan beberapa inisiatif seperti mewujudkan sekolah tahfiz untuk pelajar menegah selain mewujudkan pusat peranginan di pulau ini bagi mengalih niat pengunjung Pulau Besar untuk datang melancong ke pulau ini. Peranan Muzium Pulau Besar juga memainkan peranan sebagai tumpuan pelancong dalam usaha mengalih perhatian masyarakat agar tidak terjerumus dengan aktiviti ritual yang ditawarkan di pulau ini.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Jakim.
- Abdul Rahman Ismail, Abdullah Zakaria, & Zulkarnain Abdul Rahman. 2012. *Penemuan Tarikh Baru Pengasasan Empayar Kerajaan Melayu Melaka 1262*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Abdul Rahman Abdullah. 2012. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdul Manan. 2013. *Ritual Kalender Aneuk Jamee di Aceh Selatan*. Banda Aceh: Arraniry Press.
- Ahmad Zaidi. 2018. Pandangan mengenai amalan pemujaan di Pulau Besar, Melaka. Temu bual, 10 Ogos.
- Ahmad Che Din. 1997. *Perubatan Tradisional Melayu, Adat Resam masyarakat Melayu Islam, latihan pertahanan diri Melayu, perkara-perkara Khurafat dan ajaran-ajaran sesat*. Perak: Pejabat Mufti Negeri Perak.
- Azman Rahman. 2012. *Kedudukan Amalan Khurafat di Pulau Besar Menurut Syariat*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Azrina Musa & Yusmilayati Yunos. 2013. Bomoh nombor ekor: Satu kajian kes di daerah Pasir Mas Kelantan. *Jurnal Melayu*, 11, 110-122.
- Danaraj, A. G. S. 1995. *Mysticism in Malaya*. Singapore: Asia Publishing Company.
- Dissel, V. 1965. *Hikayat Si Miskin*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ein Azmi. 2001. Makam keramat Pulau Besar diruntuhkan. <https://www.malaysiakini.com/news/2971> [14 Mei 2020].
- Evans, I. H. N. 1970. *Studies in Religion, Folk-Lore and Custom in British North Borneo and the Malay Peninsula*. London: Frank Cass.
- Faqir, A. 2008. *Menyingkap Misteri Pulau Besar*. Kuala Lumpur: Seribu Dinar.

- Haron Daud. 1993. *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Omar. 2018. Pandangan mengenai amalan pemujaan di Pulau Besar. Temu bual, 10 Ogos.
- Ismail Hamid. 1985. *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Jurna Petri. 2018. Akulturasi nilai-nilai budaya lokal dan keagamaan dan pengaruhnya terhadap perilaku-perilaku social. *Jurnal Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan*, 3 (2), 87-92.
- Lessa, W. A & Vogt, E. Z. 1965. *Comperative Religion: An Antropoligical Approach*. New York: Harper & Row.
- Mohd Liki Hamid. 2003. *Pandangan Semesta Melayu: Pra dan Pasca Islam dalam Pengajian Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: PTS Media Group Sdn Bhd.
- Mino Masani. 1965. *Perkembangan Keluarga Manusia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd Din Ali. 1957. *Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: TP Press.
- Mohd Faizal Haron. 2015. *Tasawwuf dan Tareqat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia*. Sintok: UUM Press.
- Mohamad Maulana Magiman & Othman Yatim. 2012. Simbol dalam makan tahun masyarakat Kadayan Sarawak. *Jurnal Melayu*, 9, 259-287.
- Muhammad Haji Salleh. 1976. Kelangsungan kebudayaan dan arah perkembangan. *Dewan Bahasa*, 20(9), 90-102.
- Naim Tadjis. 2019. *Mistik Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Patriot Publication.
- Observasi Tempat-Tempat Pemujaan di Pulau Besar. 2018. Video. Melaka: KUIM.
- Othman Md. Yatim, Zainal Abidin Borhan, Rahimin Affandi Abd. Rahim, Nor Hayati Md Dahlal, & Norhidayah Mohd Pauzi. 2011. Tradisi intelektual Melayu-Islam: Daripada metafora kepada sainti kisme. *Jurnal Melayu*, 6, 112-124.
- PERZIM. 2014. *Pemujaan di Pulau Besar*. Melaka: PERZIM.
- Ryan. N. J. 1962. *The Cultural Background of the Peoples of Malaya*. Kuala Lumpur: Longmans.
- Sidi Gazalba. 1967. *Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu*. Jakarta: Pustaka Antara.
- Wak Harun. 2018. Ritual mandi bunga di Perigi Nenek Kebayan. Temu bual, 8 Ogos.
- Wilkinson, R. J. 1909. *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: FMS Press.
- Winstedt, R. O. 1924. Keramat: Sacred places and person in Malaya. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 2(3), 92.

**Biodata Penulis:**

**Syaimak Ismail** adalah pensyarah kanan di Universiti Teknologi Mara, cawangan Johor. Beliau berkhidmat di Akademi Pengajian Islam Kontemporari. Berkelulusan Ijazah doktor Falsafah dalam bidang tamadun di Universiti Malaya.

**Muhammad Saiful Islam**, adalah pensyarah kanan di Universiti Teknologi Mara, Kedah. Beliau berkhidmat di Akademi Pengajian Islam Kontemporari. Berkelulusan Ijazah doktor Falsafah dalam bidang pengurusan Islam di Universiti Utara Malaysia.